

24/04/2001

Langkah positif tangani kelembapan ekonomi

Zulkofli Jamaluddin; Wan Esuriyanti Wan Ahmad; Munaarfah Abu Bakar KUALA LUMPUR, Isnin - Pemimpin Barisan Nasional (BN) dan pembangkang melihat Rancangan Malaysia Kelapan (RM-8) yang dibentangkan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini sebagai satu langkah positif menangani kelembapan ekonomi negara.

Mereka juga berpendapat pelaksanaan RM-8 bukan saja dapat memberi kesaksamaan ekonomi kepada pelbagai kaum di negara ini, malah pengagihan pembangunan dilaksanakan di bandar dan luar bandar.

Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, berkata RM-8 sebenarnya satu pendekatan inovatif oleh kerajaan meneruskan usaha memberi latihan serta pendidikan berasaskan sains dan teknologi.

Katanya, rancangan pembangunan dengan pendekatan baru yang diperkenalkan melalui RM-8 berupaya membawa seluruh masyarakat negara ini ke satu era peningkatan pembangunan.

"Inilah dasar dan rancangan kerajaan yang dapat membawa rakyat ke era kemajuan pembangunan," katanya ketika mengulas pembentangan RM-8 di lobi Parlimen, hari ini.

Ketika membentangkan usul RM-8, Perdana Menteri berkata kerajaan akan meneruskan pelbagai pendekatan, termasuk memberi perhatian isu penyusunan semula masyarakat, penghapusan kemiskinan di bandar dan luar bandar, pembangunan infrastruktur, guna tenaga, pendidikan serta latihan.

Presiden MIC, Datuk Seri S Samy Vellu, berkata peruntukan sebanyak RM14 billion bagi infrastruktur akan dapat membantu meneruskan projek pembinaan jalan sedia ada dan projek pembinaan jalan raya baru.

Beliau yang juga Menteri Kerja Raya berkata, melalui RM-8 juga peruntukan sebanyak RM3 billion bagi pembinaan prasarana bekalan air akan dapat mengurangkan 41 peratus pembaziran.

Katanya, sehingga kini peruntukan yang diberi kepada kementeriannya melalui RM-7 sudah digunakan hampir 98 peratus dan semua kemudahan infrastruktur dapat dilaksanakan dalam tempoh lima tahun rancangan itu.

Presiden Parti Progresif Penduduk (PPP), Senator Datuk M Kaveas berkata pelaksanaan RM-8 dapat menstabilkan ekonomi negara tanpa meminta pinjaman daripada Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF).

"Sehingga kini, kita berjaya menangani semua cabaran ekonomi dengan cara kita sendiri. Kami yakin melalui RM-8, Malaysia akan terus stabil walaupun dunia terus menghadapi kesan dari globalisasi," katanya.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Rais Yatim, pula berkata pembentangan RM-8 kali ini menjurus kepada beberapa perubahan dan penekanan dalam pembangunan.

Katanya, satu daripada pembaharuan dalam pembangunan dapat dilaksanakan di luar bandar dan kawasan jelapang padi yang mana asas pembangunan masyarakat tertumpu pada kepentingan orang ramai.

"Kali ini, pembangunan lebih berasaskan wilayah dengan ditentukan oleh rakyat sendiri. Pemberian dan agihan itu diberi secara menyeluruh dengan berasaskan kecekapan melalui pembelajaran, latihan serta penyelidikan baru," katanya.

Pengerusi Kelab Penyokong Kerajaan (BBC), Datuk Jamaludin Jarjis, menyifatkan RM-8 memberi penekanan kepada penggunaan bioteknologi dan penggunaan kaedah moden dalam mempertingkatkan sektor pertanian di negara ini.

"Walaupun, kerajaan banyak memberi perhatian terhadap pembangunan teknologi maklumat (IT) dan bersedia menghadapi era globalisasi, asas

ekonomi negara yang tidak kurang pentingnya iaitu pertanian perlu diberi perhatian," katanya.

Beliau turut melahirkan rasa puas hati terhadap peningkatan kemudahan prasarana yang bukan saja dinikmati di kawasan bandar, malah kemudahan itu dipertingkatkan bagi kegunaan orang Melayu di luar bandar.

Setiausaha BBC, Datuk Husni Hanadzlah bagaimanapun berharap kerajaan dapat menambah peruntukan bagi sektor pendidikan dan latihan untuk melahirkan lebih ramai pekerja mahir.

Katanya, kerajaan perlu memberi peruntukan yang lebih besar kerana segala kemahiran pekerja dapat dipertingkatkan melalui sesi latihan dan pembelajaran yang berterusan.

"Apabila kita bercakap mengenai daya saing dan produktiviti, perkara ini semua bergantung kepada faktor manusia yang mana tanpa pekerja mahir, mutu produk tidak dapat dipertingkatkan," katanya.

Sementara itu, Setiausaha Agung Pas, Nasharuddin Mat Isa, berkata RM-8 tidak banyak beza daripada RM-7 sebelumnya dan menganggap pelaksanaan rancangan berkenaan tidak berkesan bagi menangani proses pemulihan ekonomi negara.

"Tidak banyak perbezaan antara RM-8 dan RM-7. Saya tidak yakin RM-8 kali ini akan dapat menyelesaikan masalah ekonomi negara," katanya.

Ketika ditanya sama ada Pas akan mengemukakan cadangan bagi membantu menjayakan pelaksanaan RM-8, beliau berkata semua butiran dan cadangan akan dikemukakan dalam sesi perbahasan.

Naib Pengerusi DAP, Dr Tan Seng Giow, pula berkata kerajaan perlu mewujudkan satu pelan induk perumahan bagi memastikan setiap rakyat memiliki sebuah rumah seterusnya meningkatkan taraf hidup mereka.

Beliau juga menyarankan sekurang-kurangnya 35 universiti atau pusat pengajian tinggi awam dibina di seluruh negara bagi memastikan kejayaan program-program dalam RM-8.

"Kita perlu melahirkan lebih banyak graduan daripada universiti bertaraf antarabangsa dalam bidang teknologi komunikasi dan maklumat serta bioteknologi," katanya.

(END)